

- e. 53 Agensi Persekutuan mempunyai 234 syarikat subsidiari dengan nilai pelaburan berjumlah RM56.128 bilion. Daripada jumlah tersebut, 212 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala 22 syarikat subsidiari berstatus dorman. Selain itu, 121 syarikat subsidiari mencatatkan keuntungan manakala 91 syarikat subsidiari mengalami kerugian. Hanya 66 daripada 212 syarikat subsidiari yang aktif telah membayar dividen kepada Agensi Persekutuan sejumlah RM1.910 bilion pada tahun 2022.

5.3. Fokus Utama Audit (*Key Audit Area*)

Laporan ini memberikan penekanan terhadap perkara material dan signifikan yang memberi kesan kepada prestasi kedudukan kewangan Agensi Persekutuan. Fokus Utama Audit bagi penyata kewangan tahun 2022 adalah berkaitan isu usaha berterusan (going concern), penjejasan nilai pelaburan dan pembayaran dividen kepada pencarum seperti berikut:

- a. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) menghadapi isu usaha berterusan (going concern) berdasarkan tahap keberhutangan dan kebergantungan kedua-dua agensi tersebut kepada bantuan Kerajaan (sama ada dalam bentuk geran, pinjaman atau jaminan).
 - b. Pelaporan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adalah berkaitan penjejasan nilai pelaburan dalam dua syarikat subsidiari dan pembayaran dividen berdasarkan keuntungan bukan tunai kepada pencarum.
6. Menerusi LKAN pada kali ini, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 16 syor kepada Agensi Persekutuan bagi tujuan penambahbaikan. Antara lain, Ketua Audit Negara mengesyorkan:
- a. Ketua Agensi Persekutuan hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan.
 - b. Memastikan geran dibelanjakan mengikut tujuan dalam tempoh yang ditetapkan.
 - c. Pinjaman yang dibuat oleh Agensi Persekutuan dijelaskan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan supaya tidak membebankan Kerajaan Persekutuan yang perlu menanggung kos kewangan melebihi tempoh sepatutnya.
 - d. Mengkaji semula penubuhan syarikat subsidiari yang dorman, mengalami kerugian, dan tidak memberi pulangan yang sewajarnya.